

30 NOV 1996

Mahathir-Umno

TIDAK BOLEH WUJUD PUAK DALAM UMNO, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Umno menolak permohonan bekas anggota Parti Melayu Semangat 46 (S46) yang ingin menubuhkan cawangan sendiri kerana Umno tidak mahu melihat wujudnya puak dalam parti.

"Semua permohonan mereka boleh diterima jika mereka tidak menubuhkan cawangan-cawangan baru," kata Perdana Menteri pada persidangan berita di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah sekembalinya dari Indonesia selepas menghadiri Sidang Kemuncak Tidak Rasmi pertama Asean di Jakarta.

Presiden Umno itu berkata jika mereka dibenarkan menubuhkan cawangan-cawangan baru, sudah tentu akan wujudnya puak Umno bekas anggota S46 dan puak anggota Umno bukan bekas S46.

Jika ini dibiarkan berlaku, sudah tentu wujud sesuatu yang tidak sihat dalam Umno, katanya.

Dr Mahathir berkata bagi Umno, kini tidak wujud anggota bekas S46 dan semua permohonan adalah sama serta tiada syarat khas bagi membolehkan bekas anggota S46 untuk menganggotai Umno.

Beliau berkata setiap permohonan menganggotai Umno oleh bekas anggota S46 juga mesti mematuhi syarat parti seperti permohonan biasa.

"Kita (Umno) akan terima semua anggota S46 sebagai anggota Umno jika mereka mematahui syarat-syarat seperti yang dikenakan kepada orang biasa juga," katanya.

Setiausaha Agung baru Umno Datuk Sabbaruddin Chik pada perjumpaan pertamanya dengan wartawan semalam berkata Majlis Tertinggi Umno menolak permintaan lebih daripada 120,000 bekas anggota S46 untuk menubuh cawangan-cawangan baru Umno untuk mereka.

Parti S46 yang dipimpin Tengku Razaleigh Hamzah dibubarkan pada 6 Okt lepas dan semua anggotanya memohon secara beramai-ramai untuk menyertai Umno.

Sabbaruddin berkata setakat ini, kira-kira 10,000 daripada permohonan diterima sebagai anggota Umno.

Katanya ada permohonan ditolak kerana pemohon masih belum cukup umur dan nama mereka tersenarai dalam senarai nama anggota Umno.

Dr Mahathir juga berkata tidak mustahil terdapat sejumlah besar pemohon bekas S46 itu sudah pun menjadi anggota Umno mengikut catatan rekod komputer parti.

Ini bermakna, mereka memohon sebanyak dua kali untuk menganggotai Umno yang menyebabkan sejumlah besar permohonan bekas anggota S46 ditolak.

Mengenai adanya permohonan daripada bekas anggota Umno yang dipecat atau dikenakan tidak disiplin, Dr Mahathir berkata permohonan mereka juga dipertimbangkan.

Mengenai persidangan di Jakarta, Perdana Menteri berkata ia berjalan dengan baik.

"Kita berbincang dengan rasional dan keputusannya juga rasional," katanya.

Timbalan Menteri Dalam Datuk Megat Junid Ayob turut berada di lapangan itu untuk menyambut kepulangan Dr Mahathir. -- BERNAMA

SJA NAK